



NEGERI SABAH, MALAYSIA

[KEW (S) 100 – 24/10 Klt.2/94]

PEKELILING KEWANGAN NEGERI SABAH BIL: 3/2005

GARIS PANDUAN DAN TATACARA PENGETAHUAN LESEN BERNIAGA

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk menyeragamkan sistem dan tatacara berhubung dengan pengeluaran Lesen Berniaga yang akan diterimakan oleh semua Pejabat Daerah Dan Majlis Perbandaran.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kaedah-kaedah pelaksanaan pengeluaran Lesen Berniaga di bawah *Trade Licencing Ordinance 1948* yang diamalkan oleh Pejabat-pejabat Daerah/Majlis Perbandaran buat masa ini adalah tidak seragam diantara satu daerah dengan daerah yang lain; dan
- 2.2 Berikutan dengan beberapa mesyuarat yang telah diadakan, Kementerian ini telah menyediakan satu garis panduan dalam bentuk carta aliran kerja mengenai prosidur memproses permohonan Lesen Berniaga.

3. PROSIDUR YANG DISERAGAMKAN

- 3.1 Satu carta aliran kerja telah direkabentuk sebagai garis panduan kepada pegawai pelesenan untuk memproses permohonan Lesen Berniaga (sila rujuk Jadual 1). Jadual ini menunjukkan proses permohonan yang meliputi jenis permohonan

(baru atau pembaharuan), proses rujukan kepada jabatan untuk komen, kelulusan lesen, bayaran lesen sehingga pengeluaran Lesen Berniaga; dan

- 3.2 Dokumen-dokumen sokongan berikut perlu dikepulkan bagi permohonan Lesen Berniaga:-
- 3.2.1 Permohonan Baru – rujuk Lampiran ‘A’
 - 3.2.2 Permohonan Pembaharuan – rujuk Lampiran ‘B’; dan
 - 3.2.3 Permohonan Lesen Berniaga memerlukan ulasan/kelulusan daripada jabatan bergantung kepada jenis perniagaan – rujuk Lampiran ‘C’ untuk senarai jenis perniagaan dan jabatan yang bertanggungjawab untuk memberi ulasan/komen.

4. KUASA MENANDATANGANI LESEN BERNIAGA

- 4.1 Seperti yang termaktub dalam Seksyen 4.1 *Trade Licensing Ordinance*, hanya Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah diberi kuasa menandatangani Lesen Berniaga. Manakala Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab untuk melantik mana-mana pihak untuk menandatangani Lesen Berniaga selaras dengan Seksyen 4.2 *Trade Licensing Ordinance*.

5. PERATURAN-PERATURAN LAIN

- 5.1 Salinan kad pengenalan pemohon Lesen Berniaga hendaklah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara;
- 5.2 Satu Lesen Berniaga diterimapakai untuk suatu jenis perniagaan yang sama sahaja; dan
- 5.3 Pemohon warganegara yang bukan berasal dari Negeri Sabah hendaklah mempunyai Pas Kerja yang sah.

6. TARIKH BERKUATKUASA

- 6.1 Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN)
Setiausaha Tetap

Kementerian Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Tarikh: 24 Februari 2005

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU


Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada:

- Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah
- Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
- Mayor, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- Presiden, Majlis Perbandaran Sandakan
- Presiden, Majlis Perbandaran Tawau
- Semua Pegawai Daerah
- Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil

PROSES PENGETAHUAN LESEN BERNIAGA

JADUAL 1



LAMPIRAN "A"

DOKUMEN SOKONGAN UNTUK PERMOHONAN BARU

1. Salinan Kad Pengenalan (yang telah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara);
2. Salinan *Memorandum & Articles Of Association, Forms 49, 9 & 24* bagi syarikat yang berdaftar (Sdn Bhd);
3. Ulasan JKKK/Ketua kampung bagi permohonan kedai runcit dan kisaran padi; dan
4. Salinan Pas Kerja (*Work Permit*) bagi pemohon bukan berasal dari Negeri Sabah

LAMPIRAN 'B'

DOKUMEN SOKONGAN UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN

1. Lesen Berniaga yang sedia ada; dan
2. Salinan Pas Kerja (*Work Permit*) bagi pemohon bukan berasal dari Negeri Sabah

LAMPIRAN 'C'

**PERMOHONAN LESEN BERNIAGA YANG MEMERLUKAN
ULASAN/KELULUSAN DARIPADA JABATAN LAIN**

BIL	JENIS PERNIAGAAN	NAMA JABATAN /JAWATANKUASA
1.	LESEN KEDAI KOPI & RESTORAN	
2.	BILLIARD SALOON	
3.	HAIR DRESSING SALOON <i>(Men Hair Dressing Saloon, Unisex Hair Saloon, Barbershop, Ladies Hair Saloon)</i>	
4.	MASSAGE PARLOUR/ HEALTH & FITNESS <i>(Facial Cultural Physics & Treatment, Health & Fitness)</i>	
5.	HOTEL & PENGINAPAN	MAJLIS DAERAH/ PERBANDARAN/ MAJLIS DEWAN
6.	M.T.V & MINI THEATRE	
7.	KARAOKE & DISCOTHEQUE	
8.	FAMILY RECREATION CENTRE	
9.	PUB & COFFEE HOUSE	
10.	OFFENSIVE TRADE <i>(Tyre Shop, Iron Work, Vehicle Workshop, Other Offensive Trade)</i>	
11.	INSTITUSI PENDIDIKAN	JABATAN PENDIDIKAN
12.	TASKA/TAKSI	JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM
13.	PERKHIDMATAN BURUH	JABATAN TENAGA KERJA
14.	FARMASI DAN PERUBATAN TRADISIONAL	PENGUATKUASA FARMASI, JABATAN KESIHATAN
15.	MENJUAL PITA VEDIO, KASET CD	FINAS
16.	PERCETAKAN	KEMENTERIAN DALAM NEGERI
17.	LESEN PERJUDIAN DAN RAMALAN NOMBOR EKOR	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
18.	PERKHIDMATAN PETROL DAN PENYIMPANAN	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA
19.	PERKHIDMATAN KAWALAN	a) KEMENTERIAN DALAM NEGERI b) KETUA POLIS DAERAH
20.	JURULELONG/HARTANAH <i>(Dikenakan bayaran RM20.00 selain Lesen Berniaga)</i>	PENOLONG PEMUNGUT HASIL TANAH

BIL	JENIS PERNIAGAAN	NAMA JABATAN /JAWATANKUASA
21.	KEDAI RUNCIT KAMPUNG	PENGESAHAN KETUA KAMPUNG/PENGERUSI JKKK
22.	LESEN MENJUAL SENJATA API	KETUA POLIS DAERAH
23.	LESEN PEMBERI PINJAM WANG (Diberi Lesen Pelelong selain Lesen Berniaga). * Bayaran Lesen RM600.00	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
24.	LESEN PERKHIDMATAN PELANCONGAN	LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
25.	KUARI/PERLOMBONGAN	a) JABATAN TANAH & UKUR b) PEJABAT HASIL BUMI c) JABATAN ALAM SEKITAR
26.	LESEN MINUMAN KERAS	JAWATANKUASA LEMBAGA PELESENAN EKSAIS BAHAGIAN
27	PENGANGKUTAN AWAM	LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN - JAWATANKUASA PENGANGKUTAN DAERAH
28	LESEN BERASASKAN KOMPUTER	MAJLIS DAERAH/ MAJLIS PERBANDARAN/ DEWAN BANDARAYA
29	MENJUAL DAGING HAIWAN BURUAN	MAJLIS DAERAH/ PERBANDARAN/ DEWAN BANDARAYA/ JABATAN HIDUPAN LIAR